

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan terperinci berapa jumlah dan peratusan peruntukan yang diberikan kepada Bahagian D11 (Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak) jika dibandingkan dengan semua bahagian lain di bawah Jabatan Siasatan Jenayah di Bukit Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman terdiri daripada 15 bahagian iaitu D1 sehingga D14 (termasuk Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak atau D11) serta Bahagian Urus Setia.

JSJ Bukit Aman telah disediakan peruntukan sebanyak **RM33,431,671** bagi tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM543,394 (1.63%)** telah diagihkan kepada Bahagian D11 yang merangkumi tuntutan perjalanan, bayaran bil telefon, kontrak sewaan, kontrak penyelenggaraan dan lain-lain.

Dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan termasuk mengambil kira kompleksiti kes jenayah eksploitasi seksual terhadap wanita dan kanak-kanak yang menggunakan inovasi teknologi terkini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencadangkan pemerkasaan Bahagian D11, JSJ PDRM dengan keperluan peruntukan sebanyak **RM17.8 juta dalam Inisiatif Bajet 2022** merangkumi pewujudan 148 perjawatan baharu, perolehan harta modal dan kenderaan serta penyediaan bahan publisiti dan pameran.